

DBKL laksana lebih 1,000 tindakan sejak Januari

PETALING JAYA: Lebih 1,066 tindakan penguatkuasaan telah dilaksanakan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sejak awal tahun ini melalui operasi serta rondaan harian yang dijalankan secara berterusan.

Pengarah Jabatan Penguatkuasaan DBKL, Mohd. Muammer Jamaluddin berkata, tindakan tersebut memfokuskan kepada penjaja haram dan individu yang menjalankan kegiatan tidak sah khususnya dalam kalangan warga asing.

Katanya, sebanyak lapan premis telah dikenakan tindakan menerusi operasi bersepadu terbaharu di Brickfields.

“Operasi itu dijalankan dengan kerjasama beberapa agensi penguatkuasaan lain termasuk Jabatan Imigresen, Polis Diraja Malaysia (PDRM) serta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN).

“Empat premis telah diarahkan tutup, masing-masing dua di bawah Undang-undang Kecil (UUK) Tred Perniagaan dan Perusahaan (WPKL) 2016 manakala dua lagi di bawah Akta Makanan 1983,” katanya.

DBKL turut mengeluarkan tujuh notis atas pelbagai kesalahan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 mengikut UUK Tred Perniagaan dan Perusahaan (WPKL) 2016.